

Newspaper	AMANAH
Date	06 MARCH 2017

Beri Mahathir peluang

Sejak dua tahun ini saya cukup memilih untuk hadir sebarang majlis keramaian, terutama yang jauh jaraknya dari rumah. Banyak pertemuan, hatta anjuran keluarga dan rakan terdekat terpaksa dilupakan. Apatah lagi program politik; misalnya, walaupun begitu teruja untuk mengikuti dari dekat perkembangan Konvensyen Tahunan Parti Amanah Negara pada 10-11 Disember lalu, saya hanya mampu melayari media baru sambil bersantai di rumah.

Apabila mendapat undangan Rozan Azen Mat Rasip, untuk hadir ke Konvensyen Reformis di Shah Alam, 25 Februari, saya tidak terus menolaknya meskipun Sabtu adalah hari rutin rawatan. Saya merancang untuk menukar jadual hemodialisis. Namun menjelang program bersejarah itu, tahap kesihatan saya tambah merosot. Malah saya dikehendaki jalani proses transfusi darah di hospital ekoran bacaan hemoglobin yang terlalu rendah.

Saya bukanlah antara golongan reformis awal yang bersama mencetuskan gelombang protes besar-besaran pada September 1998 apabila Anwar Ibrahim dipecat Dr Mahathir Mohamad daripada semua jawatan dalam kerajaan dan Umno. Sehingga bekas Timbalan Perdana Menteri yang diaibkan itu ditangkap di bawah ISA pada 20 September 1998. Saya sekadar pemerhati, dan sesekali masih mengkritiknya. Sebelumnya, saya menulis buku *Layakkah Anwar Ketua Reformasi?*, yang memperpersoalkan kewibawaan beliau untuk menerajui perubahan.

Saya tidak menunggu lama untuk beraksi proaktif menentang kezaliman Dr Mahathir apabila Anwar dipukul hampir mati dan seluruh jentera serta kemudahan kerajaan diperalatkan demi mempertahankan kuasa. Segala adab dan pantang larang ketimuran diketepikan. Para demonstran yang memenuhi Jalan Tunku Abdul Rahman digempur, dibalun, diganasi dan ditangkap. Saya menerbitkan buku politik popular, majalah *Detik* dan *Wasilah*, makalah kartun dan komik reformasi, seterusnya deretan tabloid tidak berkala.

Sebenarnya episod menjadi pengkritik tegar Dr Mahathir bermula lebih awal. Saya mula menjadi karyawan *Harakah* sejak Mac 1987. Bersama organ pembangkang tidak semestinya secara automatik harus menentang apa saja elit pemerintah. Tragedi berdarah Memali, 19 November 1985 menjadi *turning point*.

Berikutan kemenangan tipis Dr Mahathir dalam pemilihan Umno, April 1987, belang kediktatorannya menyerlah. Operasi Lalang, yang menyumbat lebih 100 aktivis ke dalam perangkap ISA adalah mercu tandanya. Ia diikuti penggantungan permit beberapa akhbar, Melayu-Cina-Ingeris. Pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Polis dan ISA menyusul.

Pengharaman Umno (seperti dikehendaki Dr Mahathir sendiri) dan kes rayuan untuk memulihkan parti itu di mahkamah lebih mencolok mata. Kebebasan badan kehakiman musnah teruk. Bukan saja Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas dan dua hakim Mahkamah Agung dipecat tetapi perjalanan kes rayuan Umno itu juga menyaksikan seluruh struktur kehakiman peringkat tertinggi dicabuli. Era gelap 1987-88 itu mungkin lebih gelita daripada tahun-

Amanah-6/3/2017



Ahmad Lutfi Othman

tahun 1998-99. Walau bagaimanapun, sejarah lampau Dr Mahathir tidak menghalang saya untuk mengikuti siri ceramahnya apabila bekas Perdana Menteri itu melancarkan serangan berbisa terhadap penggantinya, Abdullah Ahmad Badawi. Sekurang-kurangnya saya hadir di Taman Melawati, Alor Setar, Kota Bharu dan Damansara. Saya turut terkena tempias bahang serangan kepada Dr Mahathir di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kelantan. Faktor Dr Mahathir sedikit sebanyak membantu menjatuhkan prestasi BN dalam PRU2008.

Apabila Dr Mahathir mengetuai kempen Selamatkan Malaysia dan berusaha keras mengutip lebih sejuta tanda tangan Deklarasi Rakyat, saya kira usahanya menentang pemerintahan Najib Razak, adalah serius. Mulanya hanya Najib menjadi sasaran dan kemudian bertukar untuk menjatuhkan Umno-BN. Penjelasaannya mengenai skandal mega 1MDB -- yang begitu kompleks -- agak mudah difahami. Beliau turut mempopularkan Umno sebagai kleptokrasi pimpinan "penyangak dan pencuri".

Pertemuan pertamanya dengan Anwar, selepas 18 tahun tiga hari, di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membuka babak baru yang lebih menarik. Dua musuh ketat ini dirakam erat bersalaman. "Politik Malaysia selepas ini tidak sama lagi," kata seorang pemerhati.

Dalam tempoh itu juga, Dr Mahathir bagai aktivis muda yang luar biasa tenaga dan staminanya. Beliau mengusahakan penubuhan parti baru, Bersatu, tertumpu untuk menarik keluar ahli-ahli Umno.

Sehingga lewat malam, ditemani Dr Siti Hasmah Ali, beliau memenuhi undangan, walaupun ke ceruk kampung. Tampak jelas, keazaman politiknya yang jitu dan fokus untuk menubuhkan sebuah kerajaan baru.

Kemunculannya secara mengejut dalam Konvensyen Reformis di Shah Alam lebih mengemparkan. Namun, mengenali watak Dr Mahathir, tiada yang mustahil bagi orang tua berusia 92 tahun itu. Walaupun diejek dan disorak, Dr Mahathir kelihatan tenang, dan memberikan ucapan yang menghargai peranan reformis sepanjang sejarah.

Menyedari tidak mudah untuk reformis menerimanya, Dr Mahathir berjaya meredakan ketegangan apabila berkata: "Selepas kerajaan Umno-Najib ini dijatuhkan, dan tertubuhnya kerajaan baru, kalau nak hukum saya ketika itu, hukumlah!" Saya juga percaya, masa menjadi pengubatnya, lama kelamaan golongan yang mendambakan perubahan ini boleh bekerjasama demi matlamat perjuangan yang lebih besar dan kudus.

Kerajaan baru yang bakal terbentuk bukan sepenuhnya inisiatif Dr Mahathir, yang tidak memungkinkannya berkuasa semula dengan gaya kediktatoran seperti dulu. Ia adalah hasil kerja keras bersama parti-parti dan pemimpin yang berprinsip serta berintegriti, seperti KeADILan, DAP dan AMANAH. Apatah lagi, ia didukung penuh berseamang oleh para reformis dan aktivis, juga majoriti rakyat yang sama sekali tidak berkompromi dengan terlaksananya prinsip keadilan dan *good governance*. Berilah peluang buat negawaran ulung ini menyempurnakan misinya untuk memperbetulkan kesilapannya, termasuk memilih Najib sebagai perdana menteri.